

Sungai Melaka masih kotor, kelas tiga

Kosmo 12/11/06.

MELAKA - Di sebalik penganjuran Festival Sungai Melaka yang bakal berlangsung April, satu hakikat yang perlu diterima bahawa sungai itu kini dikategorikan sebagai kelas tiga dalam indeks pencemaran air sungai.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Ir. Keizrul Abdullah berkata, kelas ketiga bermaksud air di sesebatang sungai itu kotor, tidak boleh diminum atau bersentuh dengan kulit manusia kerana

dibimbangi mendatangkan penyakit atau kemudaratan lain.

"Sungai Melaka berjaya diturunkan kepada kelas ketiga daripada kelas keempat setelah projek menaik taraf dan memperindah Sungai Melaka bermula," katanya.

Sungai-sungai di Malaysia boleh dikategorikan sebanyak enam kelas iaitu kelas satu, kelas dua A, kelas dua B, kelas tiga, kelas empat manakala kelas paling tercemar adalah kelas lima.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis perasmian Hari Kualiti dan Integriti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 2006 di sini yang dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Suboh Mohd. Yassin selain.

Selain festival tersebut, negeri itu juga akan menjadi tumpuan pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2007.